

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10/12/2018

Perlu sistem pentadbiran tersusun – Dr. Mahathir

lem- 10/12/2018 m/s: 4

PUTRAJAYA 9 Dis. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan anggota-anggota pentadbiran kerajaan tentang kepentingan untuk mempunyai sistem yang tersusun (organized) dalam mencapai kejayaan pentadbiran.

Perdana Menteri berkata, bagi memenuhi matlamat itu, golongan tersebut perlu mengikut kaedah yang boleh dicapai dalam dunia moden demi kebaikan organisasi dan negara.

“Saya hari ini tekankan bahawa bangsa Eropah menakluki dunia kerana mereka tersusun. (Ada) Negara lain yang lebih besar tetapi tidak tersusun. Tentera mereka juga tidak tersusun.

“Kita perlu ada sistem serta kaedah jika kita ingin lakukan apa-apa dan perlu dilakukan menerusi cara yang betul,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Eksekutif Khas Anggota Pentadbiran Kerajaan Malaysia di sini hari ini.

Program yang diadakan secara tertutup itu turut dihadiri

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan menteri-menteri Kabinet.

Ditanya sekiranya beliau memberi maksud bahawa menteri-menteri ketika ini tidak dilihat mempunyai sistem yang tersusun, Dr. Mahathir memberitahu, pesanan itu tidak terhad hanya kepada menteri sahaja sebaliknya ingatan tersebut merangkumi semua pihak.

Dalam pada itu, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Perdana Menteri pada program berkenaan mengingatkan anggota Kabinet agar memperkukuh dan meletakkan kepercayaan kepada anggota perkhidmatan awam sebagai satu pasukan supaya pentadbiran berjalan lancar.

“Taklimat sebegini adalah penting supaya perjalanan kerajaan baharu lebih efisien dan keberkesanan kerajaan dalam bangunkan Malaysia dengan dasar dan pendekatan baharu,”



DR. MAHATHIR MOHAMAD, Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar (dua dari kanan) hadir dalam Program Eksekutif Khas Anggota Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

katanya.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, Perdana Menteri menekankan penting-

nya bagi jemaah menteri bekerja sebagai satu pasukan yang kukuh dan bersistem.

“Pastikan cara dan kaedah

yang boleh sampaikan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih baik dan berkesan,” katanya.